

Pelantikan Chieh dianggap penghormatan bagi kaum Cina

UM 2 JUL 2001

KUALA LUMPUR 1 Julai — Gabungan Ikatan dan Persatuan China Selangor dan Kuala Lumpur menyifatkan keputusan Perdana Menteri melantik Matthias Chang Wen Chieh, 51, sebagai setiausaha politiknya sebagai satu penghormatan bagi kaum Cina.

Presidennya, Liew Poon Siak berkata, dengan pelantikan itu, jurang komunikasi yang wujud sebelum ini di antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan penduduk Cina terutama dari golongan akar umbi akan semakin pulih dan lebih erat.

“Pelantikan itu sekali gus membuktikan keprihatinan beliau terhadap keperluan yang berbagai-bagai oleh kaum-kaum yang berlainan di negara ini.

“Justeru kami berjanji akan sentiasa memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam bagi mewakili 37 buah persatuan Cina.

Pada 27 Jun lalu, Dr. Mahathir berkata pelantikan Matthias dibuat kerana penduduk keturunan Cina adalah kaum kedua terbesar di negara ini selain ia dapat membantunya dalam perkara-perkara berkaitan dengan kaum tersebut.

Kali terakhir masyarakat Cina mempunyai seorang setiausaha politik ialah ketika Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman melantik Yap Chin Kui bagi memegang jawatan berkenaan.

Gabungan yang ditubuhkan

sejak tahun 1955 itu percaya pelantikan Matthias itu dapat mengukuhkan hubungan di antara masyarakat Cina dengan kerajaan yang sebelumnya tidak stabil berikutan timbul pelbagai isu sensitif melibatkan mereka.

Kata Liew lagi, sungguhpun Dr. Mahathir turut mempunyai enam orang menteri kabinet berketurunan Cina, tetapi menteri-menteri tersebut pastinya ada agenda kepentingan politik mereka masing-masing.

“Chieh, seorang peguam yang tiada kepentingan langsung dengan mana-mana pihak dan ini pastinya memudahkan kaum Cina daripada pelbagai fahaman menyuarakan masalah terus kepada Dr. Mahathir tanpa ragu-ragu lagi,” katanya.